

KE 14

PROFIL 100
KOPERASI TERBAIK
MALAYSIA

KOSWIP Terus Mengorak Langkah Maju ke Hadapan



MESYUARAT AGUNG
KAWASAN KOSWIP
2025

LAWATAN RASMI
PENGARAH SKM
SELANGOR KE KOSWIP

MAJLIS PENYERAHAN
BANTUAN PENDIDIKAN
DAN DERMASISWA



Isi Kandungan



Mesyuarat Agung Kawasan KOSWIP	1
Pelancaran Kad TnG Anggota KOSWIP	2
Lawatan Rasmi Pengarah SKM Selangor ke KOSWIP	3
Majlis Penyerahan Bantuan Pendidikan & Dermasiswa	4
Majlis Apresiasi Gerakan Koperasi Rumpun Selangor 2024	5
KOSWIP Membuat Lawatan ke Koperasi JPS Perlis	6
Lawatan ke Hat Yai: Eratkan Ukhuwah KOSWIP	7
Bantuan Kebajikan Am, Khairat Kematian, dan Program CSR Bersama KOSWIP	8
Galeri Mesyuarat Agung Kawasan 2025	9-12
KOSWIP Travel & Tours Sdn Bhd	13
KOSWIP Trading Sdn Bhd	13
Hubungi Kami	14

BERITA UTAMA



MESYUARAT AGUNG KAWASAN KOSWIP: MEMPERKUKUH KOPERASI DAN KEBAJIKAN ANGGOTA

Sepanjang bulan Februari 2025, Mesyuarat Agung Kawasan KOSWIP telah diadakan di 25 kawasan dengan kehadiran anggota yang terdiri daripada pelbagai sektor pekerjaan. Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan perkembangan terkini koperasi, merancang aktiviti kebajikan, serta memastikan hak dan kepentingan anggota terus dipelihara.

Antara isu utama yang dibincangkan termasuklah peningkatan faedah anggota, pembentangan draf akaun tahunan KOSWIP, serta cabaran yang dihadapi oleh anggota dalam situasi ekonomi semasa.

Sesi perbincangan juga menyaksikan beberapa usul dikemukakan dan dibentangkan. Beberapa resolusi penting telah dicapai, termasuk cadangan untuk memperkukuh jaringan sokongan dalam kalangan anggota serta memperluaskan manfaat keanggotaan KOSWIP.

Selain itu, mesyuarat turut menyaksikan sesi pemilihan wakil kawasan bagi sesi tahun 2025/2027. Proses pemilihan berjalan lancar dan telus, dengan semangat kesepakatan yang tinggi dalam kalangan anggota.

Mesyuarat Kawasan KOSWIP kali ini berjaya mencapai objektifnya dalam memperkukuh solidariti antara anggota serta merancang strategi yang lebih mampan untuk masa hadapan. KOSWIP terus komited dalam memperjuangkan kebajikan dan hak anggota bagi memastikan kesejahteraan mereka sentiasa terjamin.



Dato' Pengerusi menyerahkan kad Touch 'n Go Anggota kepada Anggota Lembaga KOSWIP, Encik Abdul Razak Jali

Majlis pelancaran ini telah disempurnakan oleh Dato' Khairul Walid Bin Mohamed, Pengerusi KOSWIP, yang menyatakan bahawa inisiatif ini merupakan langkah ke hadapan dalam memperkasakan kebajikan anggota dengan menawarkan kemudahan digital yang lebih praktikal.

Dengan inisiatif ini, KOSWIP terus komited dalam memperkenalkan pelbagai manfaat yang relevan dan memberi impak positif kepada anggotanya.



Kad TnG Anggota KOSWIP akan dicetak serta merta oleh kakitangan KOSWIP.

PELANCARAN KAD TOUCH 'N GO ANGGOTA KOSWIP

Pada 3 Februari 2025, KOSWIP telah melancarkan Kad Touch 'n Go (TnG) khas untuk anggota semasa Mesyuarat Agung Kawasan 13 yang diadakan di IPPTAR, Angkasapuri. Pelancaran ini bertujuan untuk memberikan kemudahan tambahan kepada anggota KOSWIP dalam urusan harian seperti pembayaran tol, pengangkutan awam, dan transaksi tanpa tunai.



Antara ahli tertua di Zon Selatan, Encik Tey Choon Siang, turut serta mendapatkan kad TnG Anggota KOSWIP.



LAWATAN RASMI PENGARAH SKM SELANGOR KE KOSWIP

Pada 27 Januari 2025, KOSWIP menerima kunjungan istimewa daripada Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Selangor, Puan Norhayati binti Nayan, bersama Timbalan Pengarah Kawal Selia SKM Selangor, Puan Robiatul Adawiyah binti Mohamad Hasim, yang turut disertai oleh kakitangan pengurusan SKM Selangor yang lain.

Lawatan ini dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengarah SKM Selangor, yang menzahirkan penghargaan terhadap kerjasama erat antara SKM Selangor dan KOSWIP selama ini. Dalam ucapan beliau, Puan Norhayati menekankan pentingnya peranan koperasi dalam memperkukuhkan ekonomi anggota, khususnya dalam kawasan Wilayah Persekutuan dan Selangor.

Dato' Khairul Walid bin Mohamed, Pengerusi KOSWIP, turut mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih atas kehadiran delegasi SKM Selangor. Beliau juga menyatakan komitmen KOSWIP dalam melaksanakan pelan strategik yang dirancang untuk mencapai visi dan misi koperasi.

Sepanjang sesi perbincangan, kedua-dua pihak berbincang mengenai hala tuju KOSWIP untuk tahun-tahun mendatang, termasuk langkah-langkah strategik bagi memperkasakan perkhidmatan kepada anggota koperasi. Sesi ini mencerminkan usaha bersama untuk memastikan KOSWIP kekal sebagai salah satu koperasi terkemuka di negara ini. Lawatan ini diakhiri dengan perbincangan mesra dan harapan agar kerjasama erat antara SKM Selangor dan KOSWIP terus terjalin demi manfaat bersama.

MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN PENDIDIKAN DAN DERMASISWA

Pada 16 Disember 2024, KOSWIP menganjurkan Majlis Penyerahan Bantuan Pendidikan dan Dermasiswa bertempat di Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR), RTM. Majlis ini bertujuan memberikan sokongan kepada pelajar yang layak melalui pemberian bantuan pendidikan, sekali gus mengurangkan beban kewangan keluarga yang memerlukan. Program ini adalah sebahagian daripada usaha tanggungjawab sosial koperasi dalam memperkasakan pendidikan di kalangan masyarakat.

Pengerusi KOSWIP, Dato' Khairul Walid bin Mohamed dalam ucapannya berkata, "Bantuan pendidikan ini bukan sekadar sebuah sumbangan material, tetapi juga merupakan satu penghargaan terhadap usaha gigih dan kejayaan yang dicapai oleh anak-anak kita dalam bidang akademik. Ia adalah satu dorongan agar mereka terus berusaha lebih keras, serta menjadi contoh kepada rakan-rakan mereka yang lain untuk mengejar kejayaan dalam bidang pendidikan".

Majlis ini dihadiri oleh lebih daripada 20 penerima Cemerlang SPM dan Dermasiswa bersama ibu bapa yang terdiri dari anggota KOSWIP. Penerima Tabung Bantuan Pendidikan adalah sebanyak 2121 borang, dengan peruntukan berjumlah RM 230,630.00. Selain itu, untuk Tabung Dermasiswa Anak-anak Cemerlang, sebanyak RM 17,000.00 telah diperuntukkan bagi 34 orang pelajar yang terpilih. KOSWIP berharap inisiatif ini dapat menyuntik semangat kepada pelajar untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran dan terus menyumbang kepada masyarakat pada masa hadapan.





MAJLIS APRESIASI GERAKAN KOPERASI RUMPUN SELANGOR 2024

16 Disember 2024, satu acara berprestij, Majlis Apresiasi Gerakan Koperasi Rumpun Selangor 2024, telah diadakan dengan jayanya bertempat di Grand Shah Alam, Selangor. Acara ini dianjurkan sebagai tanda penghargaan kepada koperasi-koperasi di Selangor yang telah memberikan sumbangan cemerlang dalam memperkasakan ekonomi dan kesejahteraan komuniti. Perhimpunan Ikonik Koperasi Selangor Majlis ini telah dihadiri oleh lebih 500 peserta, termasuk wakil-wakil koperasi dari pelbagai sektor seperti pertanian, kewangan, perkhidmatan, dan pembuatan. Turut hadir adalah pemimpin koperasi negeri, ahli politik tempatan, serta wakil dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Majlis dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Amiruddin Shari, Menteri Besar Selangor, yang dalam ucapannya menekankan kepentingan koperasi sebagai agen pembangunan ekonomi inklusif. Beliau turut memuji usaha koperasi di Selangor yang terus menunjukkan pertumbuhan positif walaupun dalam suasana ekonomi global yang mencabar.

Salah satu detik kemuncak majlis adalah penyampaian Anugerah Kecemerlangan Koperasi Selangor 2024, yang mengiktiraf koperasi-koperasi yang menunjukkan prestasi luar biasa dalam aspek kewangan, inovasi, dan impak sosial. KOSWIP telah mendapat Anugerah Kelestarian Koperasi Negeri Selangor 2024 yang telah diwakilkan oleh Pengerusi KOSWIP, Dato' Khairul Walid bin Mohamed. Turut hadir adalah setiausaha KOSWIP En. Azlan bin Alias dan anggota lembaga yang lain.

Majlis Apresiasi Gerakan Koperasi Rumpun Selangor 2024 bukan sahaja mengiktiraf kejayaan lalu tetapi juga menyuntik inspirasi kepada koperasi-koperasi untuk terus maju. Dengan sokongan berterusan dari kerajaan negeri dan SKM, gerakan koperasi di Selangor dijangka terus berkembang sebagai nadi utama ekonomi rakyat.





KOSWIP Membuat Lawatan ke Koperasi JPS Perlis

Koperasi KOSWIP Malaysia Berhad telah mengadakan lawatan kerja ke Koperasi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perlis. Lawatan ini bertujuan untuk bertukar pendapat dan pengalaman dalam memperkukuhkan operasi dan perkhidmatan koperasi masing-masing. Dalam sesi pertemuan tersebut, Encik Mohd Nawawi b Mat Idris, Naib Pengerusi KOSWIP, telah berkongsi maklumat tentang pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh KOSWIP, termasuk inisiatif pembiayaan kredit, pelaburan, dan program kebajikan anggota. Perkongsian ini diharap dapat menjadi inspirasi kepada Koperasi JPS Perlis dalam meningkatkan nilai tambah kepada anggota mereka.

Lawatan ini turut dihadiri oleh barisan kepimpinan KOSWIP. Pengerusi Setiausaha Kawasan, Jawatankuasa Audit Dalam (JAD), serta wakil-wakil dari KOSNITA, bahagian pengurusan, dan kakitangan koperasi. Kehadiran ini mencerminkan komitmen KOSWIP dalam menjalin hubungan strategik dengan koperasi lain di seluruh negara. Lawatan ini bukan sahaja membuka peluang untuk kerjasama yang lebih erat, tetapi juga menjadi platform untuk kedua-dua koperasi saling belajar dan memperbaiki perkhidmatan mereka demi manfaat anggota.





Lawatan ke Hat Yai: Eratkan Ukhuwah KOSWIP

Pada 3 hingga 6 Januari 2025, Koperasi KOSWIP Malaysia Berhad telah berjaya menganjurkan lawatan sambil belajar ke Hat Yai dan Songkhla, Thailand. Program ini bukan sahaja memberi peluang kepada peserta untuk menikmati keindahan budaya dan makanan tempatan, malah turut mengukuhkan semangat kebersamaan dalam kalangan anggota koperasi.

Lawatan ini disertai oleh barisan anggota lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman, wakil KOSNITA, serta Pengerusi dan Setiausaha Kawasan, dengan sokongan penuh daripada urusetia KOSWIP. Perjalanan yang dirancang dengan teliti memastikan setiap aktiviti berjalan lancar, memberikan pengalaman yang menyeronokkan dan bermakna kepada semua peserta.

Selain meneroka budaya tempatan, peserta juga dapat merasai nilai kekeluargaan yang erat sepanjang program ini. Kesepaduan dalam menjaga antara satu sama lain serta kemesraan yang terjalin menggambarkan asas kekuatan KOSWIP yang berlandaskan ukhuwah dan persaudaraan.

Pengerusi KOSWIP dalam ucapannya berharap agar pengalaman ini menjadi kenangan indah yang terus menyatukan anggota KOSWIP. Beliau turut menyeru agar semangat kebersamaan ini diteruskan, bukan sahaja dalam program lawatan tetapi juga dalam usaha memperkukuh dan memajukan KOSWIP ke arah lebih cemerlang.

Dengan kejayaan lawatan ini, diharapkan nilai-nilai positif yang diperoleh dapat dijadikan inspirasi dalam memperkukuh perjalanan koperasi pada masa hadapan.



Bantuan Kebajikan Am, Khairat Kematian, dan Program CSR Bersama KOSWIP



Lawatan Kebajikan KOSWIP, menziarahi mantan Ahli Lembaga KOSWIP, En. Berahim bin Abdul Gapal



Penyerahan Khairat Kematian kepada waris Anggota oleh Naib Pengerusi KOSWIP, En. Mohd Nawawi bin Mat Idris



Penyampaian Cek CSR KOSWIP di Masjid Jamiul Muhammadiyah, Kg. Kuantan



Penyerahan Khairat Kematian kepada waris Anggota oleh Ahli Lembaga KOSWIP, En. Amirku Abu Bakar




Penyampaian Cek CSR KOSWIP di Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim dan Asnaf, Sekinchan

Galeri Mesyuarat Agung Kawasan 2025



Pelancaran Kad TnG Anggota KOSWIP di IPPTAR



Kawasan 13, Lembah Pantai



Kawasan Putrajaya 4



Kawasan Zon Selatan



Kawasan Kuala Lumpur 6



Kawasan 10, Shah Alam

Galeri Mesyuarat Agung Kawasan 2025



Kawasan 2/7, Klang/Pelabuhan Klang



Kawasan5, Kuala Kubu Bharu



Kawasan Putrajaya 1



Kawasan Putrajaya 2



Kawasan 11, Kepong/FRIM



Kawasan 9, Sabak Bernam

Galeri Mesyuarat Agung Kawasan 2025



Kawasan 6/8, Tanjung Karang/Kuala Selangor



Kawasan 1, Kajang



Kawasan Kuala Lumpur 7



Kawasan Kuala Lumpur 4



Kawasan 3, Sepang



Kawasan Kuala Lumpur 3

Galeri Mesyuarat Agung Kawasan 2025



Kawasan Kuala Lumpur 1



Kawasan Kuala Lumpur 2



Kawasan Zon Utara



Kawasan 12, Petaling Jaya



Kawasan Kuala Lumpur 8



Kawasan Kuala Lumpur 5



Kawasan Putrajaya 3



Kawasan 4, Banting



KOSWIP TRADING SDN BHD

Kemudahan yang **TERJAMIN**

Keinginan anda
kami tunaikan,
Hubungi segera,
jangan lepaskan



Motosikal
Baru & Terpakai



Telefon pintar/
Tablet



Pakej
Perkahwinan

DAN PELBAGAI LAGI!!



Whatsapp atau hubungi
untuk maklumat lanjut

012-674 1499 (EN. ROSLAN)

019-223 9864 (EN. AMIRKU)

016-966 2395 (PN. LIZA)

013-333 3434 (EN. AZMAN)

PROMOSI



KOSWIP TRAVEL & TOURS SDN BHD

Pakej PELANCONGAN

PEMBIAYAAN AL-MURABAHAH RM 15,000



JOM CUTI-CUTI

KOSWIP TRAVEL & TOURS SDN BHD
BLOK A-01-01 PANTAI BUSINESS CENTER
JALAN PANTAI BHARU
KUALA LUMPUR



019-337 0171 (PN. NORINAI) 012-302 6970 (HJ. GHANI)



KOPERASI KOSWIP MALAYSIA BERHAD

IBU PEJABAT:

**A-01-01 Pantai Business Center,
Jalan Pantai Bharu, 59200, Kuala Lumpur
Tel: (603)-2201 0009 Fax: (603)-2201 3312
Emel: koswip@gmail.com**

www.koswip.com.my

PEJABAT CAWANGAN:

**A/01UB Jalan P8D, Presint 8, 62250, Putrajaya
Tel: (603)-888 4011 Fax: (603)-8888 4022**



Koperasi KOSWIP Malaysia Berhad



@koperasikoswip



+6017-644 1204